

Sanggup berhenti kerja demi jaga kakak yang demensia

KERANA bimbangkan kakaknya yang menghidap demensia, Cik Hasnah Mohamed Maideen, berhenti kerja semata-mata untuk menjaga kakaknya sepenuh masa.

Ini kerana ibu tiga anak itu bimbang masalah demensia yang dihadapi Cik Fatimah Mohamed Jamaludin, 72 tahun, itu boleh menjejaskan keselamatan kakaknya itu.

Sejak berhenti kerja pada 2014, rutin harian Cik Hasnah tertumpu kepada kakaknya yang tidak mempunyai anak untuk menjaganya.

Meskipun usia jarak usia mereka ialah 17 tahun, namun pasangan adik-beradik itu ternyata rapat sejak dari kecil lagi.

“Kalau tanpa saya, tiada siapa dapat jaga beliau. Pada awalnya keadaannya tidak begitu teruk, tapi sejak 2014, saya perhatikan demensianya semakin serius.

“Banyak perkara beliau terlupa seperti lupa hendak ambil duit tukar dan lupa blok sendiri.

“Kerana bimbangkan keselamatannya, saya berhenti bekerja untuk menjaganya sepenuh masa,” kata nenek sembilan cucu itu lagi yang kematian suami sejak 1999.

Sebelum ini, Cik Hasnah pernah bekerja sebagai pencuci pinggan di sebuah kedai makan di blok tempat tinggalnya.

Kakaknya pula pernah bekerja sebagai atendan pam di stesen minyak tetapi terpaksa berhenti kerja akibat penyakitnya itu.

Beliau telah kematian suami.

Apa yang membimbangkan Cik Hasnah kini ialah mengenai masalah tumbuhan di belakang telinganya yang memerlukan pembedahan.

“Sekiranya ini berlaku, pasti akan timbul masalah menjaga kakak. Justeru, saya perlu buat rancangan menghantar kakak saya ke rumah rawatan supaya dijaga selama beberapa minggu. Itu semua saya perlu uruskan juga,” katanya yang bercadang menjalani pembedahan itu selepas Hari Raya nanti.

Segala pengorbanannya itu tidak dilupakan.

Semalam, Cik Hasnah telah menerima Anugerah Penjaga Inspirasi di acara penyampaian Anugerah Pesakit dan Penjaga Inspirasi Kesihatan Singapura.

Anugerah tahunan itu mengiktiraf mereka yang memberi inspirasi menerusi kebolehan mereka mengatasi cabaran dan menawarkan pembelajaran bermakna kepada doktor, jururawat, profesional kesihatan bersekutu dan kakitangan jagaan kesihatan lain.

Cik Hasnah merupakan salah seorang daripada 16 penjaga inspirasi yang diiktiraf di majlis anjuran Pusat Perubatan Akademik Duke-NUS.

Setiap pemenang menerima baucar barangan dapur bernilai \$300 dan sebuah plak.

Pada masa ini, Cik Hasnah yang tinggal bersama kakaknya itu menerima bantuan daripada Pejabat Khidmat Sosial (SSO), wang bulanan daripada Tabung Simpanan Pekerja (CPF) Cik Fatimah, serta bantuan awam.

“Memang saya tidak harapkan bantuan ini. Yang penting ialah kakak saya dijaga dengan baik.

“Biar pun itu bermakna banyak pengorbanan yang saya perlu lakukan,” katanya.



SAYANG KAKAK: Cik Hasnah (*kiri*) yang bakal menjalani pembedahan, bimbang demensia yang dihadapi kakaknya, Cik Fatimah (*berkerusi roda*) boleh menjejaskan keselamatannya. – Foto SINGHEALTH